



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KENYATAAN MEDIA

### KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) LEBIH SISTEMATIK DAN EFEKTIF MENGIKUT STANDARD ANTARABANGSA

Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V. Sivakumar telah merasmikan NIOSHCert International Standards Seminar yang bertajuk *Safety and Health a Priority: Systematic Approach from ISO Standards Perspective* yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Seminar ini merupakan platform yang terbaik kepada para majikan dan pekerja untuk mempelajari dengan lebih dalam mengenai kepentingan pendekatan sistematik dalam membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) berpandukan standard antarabangsa yang digunakan di seluruh dunia.

Selain itu, melalui sesi pembentangan yang disampaikan oleh penceramah yang terlibat dalam pembangunan standard dan pelaksanaan juga dapat menghasilkan cetusan idea dan pendekatan yang berguna dalam membantu Kerajaan, majikan dan pekerja bagi mewujudkan "persekitaran kerja yang lestari" dalam menjamin keselamatan, kesehatan dan kesejahteraan pekerja.

Sergio Mujica, Setiausaha Agung International Organization for Standardization (ISO) telah menyampaikan ucaptama beliau di program ini. Seminar ini turut dihadiri pemegang taruh seperti wakil industri, pengamal KKP, majikan, wakil pekerja termasuk jabatan dan agensi kerajaan serta institusi pendidikan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman terkini dalam pengurusan risiko di tempat kerja termasuk risiko berkenaan psikososial dan perjalanan pergi dan balik kerja.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**14 MAC 2023**  
**KUALA LUMPUR**